



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/08/73 (HQ)

### TNB NAIK TARAF SISTEM PEMBILAN

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** sedang dalam proses menaik taraf sistem pembilan sedia ada kepada sistem baru yang lebih bersepadu dan terkini. Sistem baru ini akan membolehkan pelanggan TNB membuat pelbagai transaksi dan mengakses maklumat yang berkaitan secara online di sebuah portal bersepadu.

Semasa proses peralihan ke sistem baru ini, sebilangan pengguna mungkin menerima bil lewat dari kebiasaan. Ada juga yang menerima bil secara anggaran yang akan diserahkan sama ada secara pos atau serahan tangan oleh pembaca meter. Bil secara anggaran ditentukan oleh sistem dan pelanggan akan menerima bil seperti biasa sebaik proses peralihan selesai.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my) atau menghubungi pegawai khidmat pelanggan kami di talian 15454, 1300885454 atau di Kedai Tenaga yang berhampiran.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 3 Ogos 2016**

*Untuk Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /  
Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)*

*[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*